

TATAKELAKUAN
PEMBEKAL
INEOS





“
MISI KAMI ADALAH UNTUK
MENJADI PENERAJU DALAM
INDUSTRI KAMI DAN TERUS
MENINGKATKAN PRESTASI
KAMI, TETAPI UNTUK BERBUAT
DEMIKIAN, KAMI TIDAK AKAN
MENJEJASKAN PIAWAIAN ALAM
SEKITAR, KESIHATAN ATAU
KESELAMATAN KAMI ATAS
APA-APA SEBAB.”

PRAKATA

INEOS komited untuk beroperasi sebagai syarikat korporat yang bertanggungjawab dan mematuhi semua undang-undang tempatan, negara dan antarabangsa yang berkaitan. Misi kami adalah untuk menjadi peneraju dalam industri kami dan terus meningkatkan prestasi kami, tetapi untuk berbuat demikian, kami tidak akan menjejaskan piawaian alam sekitar, kesihatan atau keselamatan kami atas apa-apa sebab.

INEOS menjangkakan para pembekalnya dapat mematuhi undang-undang yang berkenaan dan menepati piawaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa termasuk yang ditetapkan dalam Tatakelakuan kami dan dasar SHE.

Untuk membantu kami mendukung komitmen kami, Tatakelakuan Pembekal (SCoC) ini mentakrifkan dan merumuskan jangkaan kami terhadap pembekal kami, anak syarikat dan sekutu pembekal, subkontraktor pembekal atau kontraktor dan wakil rakan kongsi yang lain, tidak kira lokasi atau latar belakang yang berkaitan dengan kategori-kategori berikut:

- Kesihatan & keselamatan
- Perlindungan alam sekitar
- Amalan buruh & hak asasi manusia
- Etika & amalan perniagaan yang adil

Sebagai pembekal INEOS dan sebahagian daripada rantai bekalan kami, kami menjangkakan bahawa anda akan menjalankan perniagaan anda selaras dengan nilai dan prinsip yang digariskan dalam SCoC ini, sentiasa mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan sepenuhnya dan anda memilih pembekal dan rakan niaga anda sewajarnya.

Dengan bersetuju untuk bekerja untuk atau dengan INEOS, pembekal komited untuk mematuhi SCoC ini. INEOS berhak untuk melaksanakan audit dan penilaian untuk mengesahkan pematuhan anda terhadap SCoC ini.

Kelakuan yang melanggar atau tidak selaras dengan SCoC ini mungkin menyebabkan penggantungan atau penamatan perniagaan dengan INEOS. Apa-apa ketakselarasan atau pelanggaran SCoC ini boleh dilaporkan terus kepada orang hubungan INEOS anda atau secara sulit melalui: procurement.feedback@ineos.com

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Kesihatan dan keselamatan merupakan asas penting kepada INEOS. Pembekal harus menyediakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan menggalakkan amalan kesihatan dan keselamatan yang baik.

- **Pencegahan kesihatan, keselamatan dan bahaya pekerjaan**

Persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat perlulah disediakan untuk semua pekerja dan kontraktor di tapak mengikut undang-undang dan peraturan berkenaan yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang bebas insiden dan kecederaan, serta mencegah kejadian penyakit pekerjaan dan masalah kesihatan yang berkaitan dengan aktiviti kerja.

- **Pengurusan kecemasan**

Pembekal perlu mengenal pasti dan menilai kemungkinan situasi kecemasan. Untuk setiap situasi, pembekal perlu membangunkan dan melaksanakan rancangan kecemasan dan prosedur tindak balas yang mengurangkan kemudaratan terhadap nyawa, alam sekitar dan harta.

- **Sanitasi, makanan dan penyediaan tempat tinggal**

Pembekal perlu menyediakan tempat tinggal yang sewajarnya mudah diakses, bersih dan jika berkenaan, asrama, tempat makan, penyediaan makanan dan kemudahan penyimpanan yang bersih dan selamat untuk pekerja dan kontraktor di tapak.

- **Komunikasi & latihan**

Pekerja dan kontraktor di tapak mestilah dimaklumkan dengan sepenuhnya tentang masalah kesihatan dan keselamatan, serta diberikan latihan yang bersesuaian dalam bahasa serantau mereka untuk mengurangkan risiko kesihatan dan keselamatan.

- **Peraturan Menyelamat Nyawa**

Pembekal dan orang-orang yang bekerja bagi pihak pembekal akan mematuhi 7 Peraturan Menyelamat Nyawa INEOS (www.ineos.com) semasa bekerja di premis INEOS.





PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Kami menjangka pembekal kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan, serta menjalankan perniagaan dengan cara yang menjimatkan sumber. Pembekal perlu mengenal pasti risiko dan kesan alam sekitar kitaran hayat produk pembekal semasa proses pengeluaran, pengedaran dan pengangkutan.

- **Kecekapan sumber**

Pembekal perlu mengurangkan penggunaan tenaga, air dan sumber semula jadi dengan melaksanakan langkah-langkah pemuliharaan dan penggantian.

- **Pengurusan sisa air dan pelepasan ke udara**

Pembekal perlu mengambil pendekatan sistematik untuk mengenal pasti, mengawal dan mengurangkan sisa air dan pelepasan ke udara yang dihasilkan oleh operasi pembekal.

- **Pelupusan bahan sisa**

Pembekal perlu mengambil pendekatan sistematik untuk mengenal pasti, mengurus, mengurangkan dan melupuskan atau mengitar semula bahan berbahaya dan tidak berbahaya secara bertanggungjawab.

- **Pencegahan pencemaran**

Pembekal perlu mengurangkan penggunaan bahan berbahaya dengan mengambil langkah-langkah pengurangan / penggantian, serta mencegah pencemaran.

- **Pengendalian bahan dengan selamat**

Pembekal perlu mempunyai sistem yang tersedia untuk memastikan pengendalian, penggunaan, penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan semua bahan dengan selamat.

- **Permit**

Pembekal perlu mendapatkan, mengemas kini dan mematuhi semua permit alam sekitar yang diperlukan.

- **Risiko keselamatan dan kesihatan terhadap penduduk tempatan**

Pembekal perlu menilai kesan aktiviti pembekal terhadap penduduk tempatan termasuk pengangkutan barangan secara sistematik dan berkala.

AMALAN BURUH DAN HAK ASASI MANUSIA

INEOS percaya semua kakitangan berhak mendapatkan tempat kerja yang adil dan beretika, serta perlu dilayan dengan bermaruah dan rasa hormat. Pembekal perlu mengekalkan piawaian hak asasi manusia yang tertinggi.

- **Antidiskriminasi, antigangguan dan penganiayaan**

Pembekal tidak boleh mendiskriminasikan mana-mana kakitangan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama, jantina, umur, negara asal atau latar belakang sosial, orientasi seksual, identiti jantina, taraf perkahwinan, ketidakdayaan, hubungan politik atau keahlian kesatuan, semasa mengambil mereka bekerja dan amalan pekerjaan lain seperti gaji, kenaikan pangkat, ganjaran, capaian latihan, penamatan pekerjaan dan persaraan. Pembekal perlu menyediakan tempat kerja yang bebas gangguan, hukuman dera, pemaksaan dan penganiayaan. Mana-mana ugutan atau bentuk intimidasi yang lain adalah dilarang.

- **Pencegahan buruh paksa dan pemerdagangan manusia**

Pembekal perlu memastikan semua kerja adalah secara sukarela. Kontrak pekerjaan perlu difahami oleh pekerja dengan mudah dan pekerja bebas untuk menamatkan pekerjaan mereka selepas memberikan notis yang munasabah. Mereka tidak boleh memperdagangkan manusia atau menggunakan apa-apa bentuk buruh paksa, kerja terikat, hamba atau penjara. Pekerja tidak patut menyerahkan apa-apa dokumen pengenalan peribadi sebagai syarat pekerjaan.

- **Pencegahan buruh kanak-kanak / bawah umur**

Pembekal hanya boleh mengambil kakitangan yang berumur sekurang-kurangnya 15 tahun atau umur minimum sah yang berkaitan, yang mana lebih tinggi. Untuk golongan yang berumur di bawah 18 tahun, pembekal perlu mengenal pasti kehadiran, memantau kesihatan, keadaan kerja, jumlah jam kerja dan tidak boleh mengambil mereka untuk kerja berbahaya atau dengan cara yang mengeksploitasi secara ekonomi, mengganggu pendidikan atau memudaratkan perkembangan kesihatan, fizikal, mental, rohani, moral atau sosial. Program perantisan tempat kerja yang sah untuk manfaat pendidikan boleh diterima jika program tersebut selaras dengan Perkara 6 atau 7 Konvensyen Umur Minimum ILO No. 138.

- **Keadaan bekerja**

Pembekal perlu mematuhi semua undang-undang, peraturan dan/atau persetujuan kolektif yang berkenaan dengan keadaan bekerja, jam kerja, hari cuti, upah & gaji.

- **Kebebasan perhubungan dan perundingan kolektif**

Seperti yang dibenarkan oleh undang-undang, pembekal perlu dengan relanya membenarkan pekerja untuk berhubung dengan orang lain dan organisasi pilihan mereka dan mendapatkan perwakilan untuk berunding secara kolektif. Pembekal perlu membenarkan pekerja untuk menyatakan kebimbangan mereka tentang keadaan bekerja atau kemungkinan amalan yang haram tanpa ancaman pembalasan atau gangguan.





ETIKA DAN AMALAN PERNIAGAAN YANG ADIL

Kami menjangka pembekal kami menjalankan perniagaan dengan cara yang adil dan beretika dan beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan antarabangsa, negara dan tempatan yang berkenaan dengan operasi perniagaan mereka dan mendapatkan semua permit yang diperlukan.

- **Antitrust & Saingan**

Pembekal perlu mematuhi undang-undang antitrust dan saingan.

- **Perdagangan Antarabangsa**

Pembekal mesti mematuhi peraturan perdagangan antarabangsa dan kawalan eksport, serta embargo dan sekatan yang dikenakan oleh badan-badan nasional atau supranasional atau kerajaan.

- **Sogokan & Rasuah**

Pembekal menahan diri daripada apa-apa dan semua bentuk rasuah, termasuk pemerasan dan sogokan aktif atau pasif, pelaburan wang haram dan urus niaga orang dalam.

- **Hadiah & Hiburan**

Pembekal menghormati bahawa pekerja INEOS tidak memberi atau menerima apa-apa hadiah atau sokongan yang boleh menjejaskan atau menimbulkan keraguan tentang keneutralan keputusan tersebut. Pembekal memastikan bahawa semua bayaran, hadiah atau komitmen lain terhadap pelanggan, pegawai kerajaan, subkontraktor atau pihak lain yang mengurus niaga bagi pihak mereka mematuhi undang-undang antirasuah yang berkenaan.

- **Konflik kepentingan**

Sebagai pembekal INEOS, pembekal perlu mendedahkan maklumat berkaitan dengan konflik kepentingan yang berpotensi atau sebenar kepada INEOS.

- **Harta Intelekt & Kerahsiaan**

Pembekal tidak akan menggunakan, menyalahgunakan atau menyebarkan harta intelek INEOS dalam apa-apa cara yang tidak selaras dengan penglibatan tertentu sebagai pembekal INEOS.

INEOS

38 Hans Crescent, Knightsbridge
London SW1X 0LZ, UK

www.ineos.com